

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil kemudahan Pembiayaan Invois dengan Hong Leong Bank Bhd. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya.

Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank.

Terma dan syarat muktamad hendaklah dibaca bersama-sama dan digantikan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan (jika ada) selepas penilaian kredit dan kelulusan pinjaman.

Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umumnya.

Hong Leong Bank Bhd
Perbankan Transaksi,
Perbankan Perniagaan dan
Korporat

Produk: Pembiayaan Invois (IVF)

Tarikh: / /

1. Apakah maklumat produk ini?

Pembiayaan Invois (IVF) adalah pembiayaan perdagangan untuk jualan eksport dan tempatan (secara kredit) atau pembelian import dan tempatan oleh pelanggan [secara tunai/tampak (bayaran segera) atau tempoh baki usans (bayaran pada tarikh yang akan datang) pembelian kredit]. IVF juga membiayai perbelanjaan operasi domestik atau pembayaran untuk perkhidmatan (iaitu, penerimaan yang belum diterima oleh pelanggan yang memberikan perkhidmatan). Kemudahan IVF hanya boleh digunakan untuk tujuan keperluan modal kerja yang sebenar dan tidak harus digunakan untuk membiayai pembelian aset tetap pelanggan.

2. Apakah kelebihan produk ini?

a) Kemudahan Pembiayaan Invois

Item	Deskripsi
Amaun Kemudahan	RM <Jumlah Amaun Kemudahan>
Margin Pembiayaan (Tebaran)	<_>% setahun

b) Skop pembiayaan termasuk Perbelanjaan Operasi domestik dan pembayaran untuk Perkhidmatan.

c) Tempoh minimum pembiayaan ialah 14 hari dan tempoh maksimumnya tidak boleh melebihi tempoh pembiayaan yang diluluskan oleh Bank dan tertakluk kepada tempoh maksimum 365 hari.

d) Amaun pembiayaan minimum ialah RM10,000.

3. Apakah obligasi (kewajipan) saya?

a) Dokumen yang dikemukakan kepada Bank untuk menyokong pembiayaan mesti berkaitan dengan transaksi yang sah dan semasa.

b) Menyerahkan kepada pihak Bank bukti berdokumen yang memuaskan bagi transaksi tersebut (contohnya, invois asal, dokumen pengangkutan dll.) sebagaimana diminta oleh Bank

c) Anda belum mendapat dan tidak akan mendapatkan sebarang sumber pembiayaan lain untuk transaksi perdagangan tersebut, termasuk pembiayaan di bawah pajakan, sewa beli atau perjanjian pemfaktoran.

d) Anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank dengan sebarang caj, faedah, kos atau perbelanjaan berhubung dengan bayaran yang dibuat oleh Bank dan pembayaran balik IVF ini.

e) Apakah masa terakhir untuk mematuhi prosedur pengeluaran IVF?

PRODUK PERDAGANGAN	MASA TERAKHIR
Pembiayaan IVF (RENTAS)	12 pm
Pembiayaan IVF (Bukan RENTAS) <i>*(Pembayaran mata wang asing tertakluk kepada masa terakhir untuk setiap mata wang. Sila rujuk kepada Pusat Perkhidmatan Perdagangan untuk maklumat lanjut tentang masa terakhir bagi setiap mata wang)</i>	2 pm *

f) **Pengiraan Harga IVF**

Kos Dana IVF (IVF COF) + Tebaran [_% setahun]

Faedah akan dikira dari tarikh pembiayaan sehingga tarikh matang:-

$$\text{Faedah} = \frac{\text{Prinsipal} \times (\text{IVF COF} + \text{Tebaran}) \times \text{Tempoh}}{365}$$

4. Apakah caj lain yang perlu dibayar?

Kos SWIFT

- RM30.00

Kos RENTAS

- Pelanggan SME - RM5.00
- Pelanggan Bukan SME - RM14.00 (Pihak pertama); RM15.00 (Bank ke Bank)

Kos Inter-Bank Giro (IBG)

RM2.00 setiap IBG

Bayaran Pos

- a) RM5.00 pada kadar sama rata

Bayaran Pengendalian

- b) RM 100.00 setiap IVF untuk amaun pembiayaan di bawah RM50,000

(Tidak dikenakan dengan IVF untuk membiayai pembelian import di bawah LC atau disokong oleh pungutan dokumen masuk/keluar yang dikendalikan oleh kami.)

Perhatian: Semua bayaran komisen, caj-caj dan wang lain yang kena dibayar adalah tidak termasuk dan tertakluk kepada apa-apa Cukai Kerajaan.

5. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

a) Transaksi akan ditukar kepada lampau tempoh pada tarikh matang jika bayaran tidak diterima daripada anda. Bil lampau tempoh akan dikenakan faedah penalti pada BLR + kadar penalti sehingga tarikh pembayaran balik.
Kadar penalti semasa ialah 3.5% setahun.

b) Kemudahan IVF dan kemudahan perdagangan yang lain akan digantung serta-merta.

c) Bank berhak untuk melaksanakan aktiviti pemulihan atau tindakan undang-undang:

(i) **Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklumbalas kepada notis peringatan. Aset anda boleh dirampas dan anda akan menanggung semua kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk melunaskan sebarang kekurangan yang tertanggung selepas aset anda dijual.**

(ii) Pihak Bank mempunyai hak untuk melaksanakan aktiviti pemulihan (termasuk melantik agensi pungutan hutang pihak ketiga), rampasan harta dan prosiding bankrap.

Perhatian: Tindakan undang-undang ke atas anda akan menjejaskan penilaian kredit peribadi yang menjurus

kepada permohonan kredit menjadi lebih sukar atau mahal.

6. Apakah yang saya perlu lakukan jika ada perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Anda harus memaklumkan kami dengan kadar segera mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua surat menyurat sampai tepat pada masanya.

7. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan penyelesaian kewangan

- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking,

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Telefon : 1-800-188-133

E-mel : SME@hlbb.hongleong.com.my

Laman web : www.hlb.com.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan:

Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP) yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama diantara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan.

Anda boleh menghubungi KNP di:

- a) MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC

Alamat : Pegawai penasihat KNP di mana-mana cawangan di seluruh negara. Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman web CGC di [https:// www.cgc.com.my/cgc-branches/?lang=my](https://www.cgc.com.my/cgc-branches/?lang=my)

No Telefon : 03- 7880 0088

E-Mel : myknp@cgc.com.my

Laman Web : www.myknp.com.my

- b) Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmatan penstrukturan hutang pendidikan kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2616 7766

E-mel : enquiry@akpk.gov.my

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking,

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Telefon : 1-800-188-133

E-mel : SME@hlbb.hongleong.com.my

Laman web : www.hlb.com.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami dengan memuaskannya, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 1-300-88-5465

Faks : 03-2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Laman web : www.ofs.org.my

8. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah bankinginfo di laman web www.bankinginfo.com.my

Secara alternatif, sila hubungi kami di:

**Trade Sales & Product
Hong Leong Bank Berhad
Level 10, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
Tel : (03) 2777 1717 / 1715
Atau lawati www.hlb.com.my**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada [/ /]